

HARI : JUMAAT
TARIKH : 27/9/2019
M/SURAT : 38

Barangan sukan tiruan disita

JOHOR BAHRU 26 Sept. - Pelbagai barangan sukan berjenama disyaki tiruan bernilai RM116,986 disita Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di sebuah premis di pusat beli-belah terkemuka di sini semalam.

Ketua Pegawai Penguat kuasa negeri, Zubir Hamsa berkata, sebanyak 1,233 barangan rampasan berupa kasut dan baju sukan itu dirampas dalam serbuan pada pukul 2 petang.

Menurutnya, serbuan itu adalah hasil risikan yang dibuat oleh pihak KPDNHEP Johor Bahru dengan kerjasama pemilik cap dagang jenama tersebut.

"Operasi itu dijalankan kerana premis tersebut disyaki menjual barangan tiruan daripada jenama terkemuka dan siasatan ke atas 1,233 barangan dirampas akan dijalankan bagi mengenal pasti punca bekalan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Katanya, barangan itu disita di bawah Seksyen 8(2)(c) Akta Perihal Dagangan 2011 dan jika didapati bersalah, penjual boleh didenda sebanyak RM10,000 bagi setiap perihal barangan yang dipamerkan atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya bagi orang perseorangan.